

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BIL. 11 TAHUN 2001
(TAMBAHAN KEDUA KEPADA SPP BIL. 2 TAHUN 1999)**

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan
YB Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan
Pihak-pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan
Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Kerajaan

**PERUBAHAN HAD NILAI DAN KUASA
LEMBAGA PEROLEHAN AGENSI**

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan perubahan had nilai dan kuasa Lembaga Perolehan Agensi yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 2 Tahun 1999. Had nilai dan kuasa baru adalah seperti berikut:

	<u>Asal</u>	<u>Baru</u>
a. Lembaga Perolehan Kementerian/ Jabatan	Sehingga	Sehingga
i. Tender Kerja Terbuka	RM30 juta	RM50 juta
ii. Tender Bekalan/Perkhidmatan Terbuka	RM15 juta	RM30 juta
iii. Tender Terhad	Tiada	RM5 juta

b.	Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri		
	i. Tender Kerja	RM10 juta	RM20 juta
	ii. Tender Terhadap	Tiada	RM1 juta
c.	Lembaga Perolehan Persekutuan (Sabah/Sarawak)		
	i. Tender Kerja/Bekalan/ Perkhidmatan	RM10 juta	RM20 juta
	ii. Tender Terhadap	Tiada	RM1 juta
d.	Lembaga Perolehan Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan		
	i. Tender Kerja/ Bekalan/Perkhidmatan	RM50 juta/ RM30 juta	RM100 juta
	ii. Tender Terhadap	Tiada	RM10 juta
e.	Jawatankuasa Sebut Harga		
	i. Tender Kerja	RM200 ribu	Dikekalkan
	ii. Tender Bekalan/Perkhidmatan	RM200 ribu	Dikekalkan

2. Bagi tender terhadap, pemilihan kontraktor hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi dikalangan sekurang-kurangnya 10 syarikat Bumiputera tempatan bagi kontrak kerja dan sekurang-kurangnya 5 syarikat Bumiputera tempatan bagi kontrak bekalan/perkhidmatan. Sekiranya bilangan syarikat Bumiputera tempatan tidak mencukupi ianya boleh dibuka kepada syarikat Bumiputera di negeri/daerah terdekat.

3. Kementerian/Agensi hendaklah menubuhkan Lembaga Perolehan seperti berikut:-

- | | | |
|----|---------------------|--------------------------|
| a. | Lembaga Perolehan A | Lebih daripada RM20 juta |
| b. | Lembaga Perolehan B | Setakat RM20 juta |

Keahlian wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan adalah dimestikan bagi Lembaga Perolehan A. Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan yang masih belum menubuhkan Lembaga Perolehan dikehendaki menubuhkannya.

4. Lembaga Perolehan Agensi hendaklah kerap bersidang bagi memastikan keputusan perolehan dapat dibuat dengan cepat. Semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Perolehan hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh satu minggu selepas Lembaga Perolehan bersidang.


5. Surat Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. Dengan berkuatkuasanya SPP ini, di mana berkaitan para 8 dan para 9.1.4 SPP Bil. 2 Tahun 1999 adalah dipinda seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan Malaysia

21 September 2001

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri